

Merdeka rohani, jasmani

■ Kehidupan beragama dan bermasyarakat perlu berpandu kepada prinsip Islam

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Esok kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang tercinta. Segala puji bagi Allah yang mengurniakan nikmat kemerdekaan buat kita, rakyat Malaysia.

La turut dihormati oleh generasi muda yang pada hakikatnya tidak merasa detik getir perjuangan membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan.

Bagaimanapun, sebagai umat Islam yang menyedari hakikat kemerdekaan, kita dituntut untuk membina keuletan dari sudut rohani dan fizikal bagi melaksanakan negara dijalah semula.

Dari sudut Islam, kemerdekaan bagi sebuah negara dicapai apabila kepemimpinan kerajaan mampu menerai pemerintahan berasaskan panduan Islam manakala rakyatnya yang beragama Islam sentiasa hidup dalam keadaan tunduk patuh kepada ajaran agamanya.

Setiap lapisan masyarakat sama ada pemimpin mahupun rakyat menjalankan kehidupan beragama dan bermasyarakat dengan panduan Islam. Mereka bebas daripada penjajahan ideologi menyala-keperluan Islam.

Pengabdian diri kepada perintah Allah dalam hal menadbir negara yang dilaksanakan oleh pemimpin dan dalam muamalah harian sesama manusia oleh setiap anggota masyarakat mampu mewujudkan peradaban masyarakat berasaskan prinsip agama.

Inilah ditunjukkan oleh kepemimpinan Rasulullah SAW dan Khalifah ar-Rasyidin yang sentiasa melaksanakan kepemimpinan me-

reka berasaskan litanai ketimanan jitu kepada Allah.

Hasilnya setiap warga negara dapat menghayati nilai keberanian, menegakkan keadilan dan memupuk kasih sayang dalam kalangan ahli masyarakat.

Sesungguhnya keberkatan daripada Allah akan sentiasa menyanyangi penduduk sesebuah negara dengan setiap warga terdiri daripada pemimpin dan rakyat yang patuh kepada-Nya.

Firman-Nya bermaksud: "Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta berakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengummaan) yang melimpah-limpah berkahnya dari langit dan bumi." (Surah al-A'raf, ayat 96)

Nikmat keimanan dan keharmonian dikurniakan kepada mereka yang telah dan sedang kita nikmati ini perlu dipelihara. Setiap daripada kita perlu menamakan rasa cinta kepada Malaysia ini.

Banyak perkara perlu diambil perhatian agar setiap tindakan kita menunjukkan bahawa memang benar kita mencintai negara ini, antaranya ialah dengan menjaga kedaulatan negara daripada ancaman luar.

Perkara ini perlu menjadi keutamaan termasuk dalam kalangan buktan Muslim. Status Islam sebagai agama rasmi tidak sekali-kali mehadkan peranan masyarakat Muslim dalam memperhatikan kedaulatan negara.

Dalam hal ini juga pastikan ke-



TENTERA menjadi borisan hadapan dalam mempertahankan kedaulatan negara. - gambar hiasan.

selamatan negara adalah pihak yang perlu diberi penghor-maian kerana hakikatnya mereka yang berada di barisan hadapan dalam mempertahankan kedaulatan negara tercinta.

Sesungguhnya Allah menjanjikan ganjaran istimewa bagi mereka yang berjihad pada jalan-Nya termasuk dalam mempertahankan tanah air di mana Islam berdiri di tempat itu.

Firman-Nya bermaksud: "Pergilah kamu berjemaah-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan pelbagai tanggungjawab).

Dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahuinya." (Surah al-Faubah, ayat 41)

Oranglah negara ini dengan sentiasa mengagasi kepentingan peribadi. Rakyat jelata, lebih-lebih lagi barisan kepimpinan perlu mengutamakan kepentingan negara.

Tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini iaitu "Malaysia. Di Sini Lahirmya Sebuah Cinda perlu dihayati oleh setiap warga negara.

Kemerdekaan negara adalah satu takdir baik buat kita semua. Justeru, sewajarnya kita memper-

Penulis ialah penyuarah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UMISZA)